

## **TEKS UCAPAN PENGARAH PELAJARAN PERAK UNTUK PERHIMPUNAN PAGI BULAN JANUARI 2010.**

**TEMPAT : Jabatan Pelajaran Perak.**

**TARIKH : 21 Januari 2010.**

**Bismillah Hirrahman Nir Rohim**

**Assalamualaikum Warahmatullah Hiwabarokatuh dan Selamat Sejahtera.**

**Terima kasih pengacara majlis.**

1. Kata alu-aluan.
2. Saya amat bersyukur kerana kita dapat berkumpul bersama-sama dalam perhimpunan pertama 2010. Ini bermakna kita sudah meninggalkan 2009 dalam lipatan sejarah. Kita juga bersyukur kerana kita masih lagi sihat dan mampu menggalas tugas yang diamanahkan. Kita juga bersyukur kerana semua usaha yang dirancang dalam tahun 2009 lalu telah dijelmakan kepada realiti. Mahu atau tidak kita perlu kembali kepada sejarah kerana sejarah mengajar kita tentang mensyukuri kejayaan, sejarah mengajar kita memahami kegagalan dan sejarah menjadikan kita lebih dewasa untuk menyelesaikan masalah. Apabila mendepani masalah atau kekangan perkara utama yang mesti dilakukan ialah menyelesaikan masalah bukan menyesali masalah. Pemimpin yang berketrampilan akan melihat kegagalan sebagai tanda kejayaan dan melihat masalah sebagai satu lagi peluang. Tiada kesempurnaan tanpa kepincangan dan kepincangan tidak akan wujud jika sesuatu itu dirancang dan dilaksanakan dengan baik.

### **3. Pencapaian SKT 2009**

#### **Sektor Pengurusan Akademik**

Pencapaian yang dicapai oleh sektor ini dikira mengikut peratus berdasarkan pelan Induk Pembangunan Pendidikan seperti berikut:

Teras 1 iaitu Membina Negara Bangsa pencapaian sebanyak 82.88%.

Teras 2 iaitu Membangunkan Modal Insan sebanyak 88.26%.

Teras 3 iaitu Memperkasakan Sekolah Kebangsaan sebanyak 77.16%.

Teras 4 iaitu Merapatkan Jurang Pendidikan sebanyak 76.60%.

Teras 5 iaitu Memartabatkan Profesion Keguruan sebanyak 94.32%.

Teras 6 iaitu Melonjakkan Kecemerlangan Institusi Pendidikan sebanyak 62.55%.

Keseluruhannya pencapaian Sektor Pengurusan Akademik, Jabatan Pelajaran Perak, ialah 85.66%.

#### **Sektor Pendidikan Islam.**

j-QAF Purata pencapaian ( amali wudhuk, amali solat, Khatam Al-Quran, Bahasa Arab dan Jawi ) ialah 92 %. Pemantauan melibatkan 87 buah sekolah. Kursus untuk guru melibatkan 2555 orang guru.

Dari aspek Pengurusan Sekolah Menengah, Sektor Pendidikan Islam melaksanakan pertukaran guru dua kali setahun. Disember 2009 seramai 38 orang guru masuk dan 11 orang keluar. Selain itu SPI telah melaksanakan majlis orientasi guru agama baru.

Unit Operasi Dakwah - Peningkatan Prestasi Akademik

Program gemilang PMR melibatkan 35 buah sekolah. 30 buah sekolah berjaya meningkatkan prestasi berbanding tahun 2008. Program Gemilang SPM melibatkan 40 buah sekolah.

Unit Operasi Dakwah Pemantauan bersepadu bersama-sama dengan unit lain.

Pencapaian Sasaran Kerja Tahunan **Sektor Pengurusan Sekolah** adalah berlandaskan kepada fokus yang terdapat dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) . Antara pencapaian Sasaran Kerja Tahunan 2009 Sektor Pengurusan Sekolah adalah seperti berikut:

Dalam usaha mengadakan banyak pilihan pendidikan kepada ibu bapa dan murid, sektor pengurusan sekolah telah mewujudkan kelas POL Bahasa Tamil (Pupils' On Language) di 79 buah sekolah kebangsaan yang merangkumi 93 buah kelas. Bagi kelas POL Bahasa Cina di 19 buah sekolah kebangsaan merangkumi 36 buah kelas. Selain itu di peringkat sekolah menengah telah diwujudkan program kelas rancangan khas dan MPV.

Dalam usaha meningkatkan pencapaian prestasi UPSR bagi Sekolah Murid Orang Asli. Lawatan Penanda Aras Ke SK. Penderas telah diadakan pada 17 – 18 Jun 2009. Hasilnya sebanyak 17 Sekolah Murid Orang Asli telah mencapai kelulusan dalam peperiksaan UPSR 2009. Berbanding 12 buah sekolah pada tahun 2008.

Program Pendidikan Prasekolah telah diperluaskan daripada 715 kelas kepada 717 kelas. Kedua-dua kelas tersebut adalah di Daerah Hilir Perak iaitu Sk. Kg., Bahagia Teluk Intan dan Sk. Sg. Keli, Hutan Melintang. Perak.

Dalam aspek peningkatan penguasaan ilmu sektor pengurusan sekolah telah berjaya melaksanakan bengkel menjawab soalan score A, bengkel kemahiran belajar mengikut zon, kem PPSMI dan program pertukaran pelajar Kelas Rancangan Khas. Selain itu kadar keciciran murid telah berjaya dikurangkan kepada 0.15% berbanding 0.2% ( 559 murid cicir daripada 274,771 murid sekolah rendah). Punca keciciran yang dikenal pasti adalah tidak berminat ke sekolah, masalah keluarga dan tidak dapat dikesan.

Dalam hal pengurusan aduan, Sektor Pengurusan Sekolah telah berjaya menangani 100% aduan pelanggan yang diterima untuk tahun 2009.

Bagi urusan penempatan guru di kawasan pedalaman, seramai 321 orang guru terlatih telah ditempatkan di sekolah pedalaman. 14 orang guru KPLI Bahasa Inggeris telah ditempatkan di Sekolah Murid Orang Asli.

Di samping itu sektor pengurusan sekolah juga telah berjaya dalam usaha memartabatkan institusi pendidikan dengan menambah bilangan Sekolah Kluster Kecemerlangan dari 3 buah sekolah (Tahun 2006) kepada 12 buah sekolah (Tahun 2009).

**Sektor Jaminan Kualiti (SJK)** terdiri daripada dua unit, iaitu Unit Kepimpinan dan Unit Kepiawaian dan Dokumentasi.

Sektor Jaminan Kualiti telah melaksanakan program *coaching and mentoring* secara berterusan kepada 100 orang Pengetua dan 100 orang Guru Besar sekolah seluruh negeri Perak pada tahun 2009.

Pelaksanaan pengurusan kualiti dalam pengajaran dan pembelajaran berdasarkan prosedur kerja di tujuh puluh buah sekolah menengah dan rendah negeri Perak juga dilaksanakan.

Pada tahun 2009, sebanyak tujuh buah sekolah dari negeri Perak telah diumumkan sebagai Sekolah Kluster. Lima daripadanya sekolah menengah manakala dua lagi sekolah rendah. Sehingga kini, jumlah keseluruhan Sekolah Kluster di negeri Perak ialah 12. Pada tahun 2009 juga, kejayaan dicapai melalui Anugerah Sekolah Cemerlang. Sebanyak empat buah sekolah (dua buah sekolah menengah dan dua buah sekolah rendah) telah menerima anugerah ini.

Sektor Jaminan Kualiti terlibat dalam Konvensyen Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) MPC Wilayah Pantai Timur, Pasukan Perak telah muncul pemenang Anugerah Emas (Pasukan PRIME) dan dalam Konvensyen KMK SUK Perak menerima Anugerah Perak (Pasukan JARI). Dalam Konvensyen KMK Kebangsaan Kementerian Pelajaran Malaysia, pasukan Perak muncul Johan Pasukan PRIME dan Pasukan CORE serta fasilitator terbaik.

**Sektor Pembangunan Kemanusiaan** memainkan peranan menyediakan generasi baru yang boleh menyesuaikan diri dalam arus perubahan yang pesat berlaku.

Justeru itu, fungsi sektor ini disesuaikan dengan hasrat memenuhi tuntutan semasa yang sedang dan akan berlaku, iaitu:

Membangunkan sahsiah dan disiplin murid,  
Memberi bantuan kepada murid yang memerlukan berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia,  
Melibatkan murid secara aktif dalam kegiatan luar menerusi aktiviti kokurikulum dan sukan, dan  
Menjalankan program pendidikan pencegahan dadah .

Antara kejayaan pengurusan 2009 :

Karnival Kaunseling Kerjaya Peringkat Kebangsaan  
Kejohanan Hoki MSSM Kementerian Pelajaran Malaysia  
Perkhemahan Pasukan Badan Beruniform Sekolah Rendah Peringkat Kebangsaan.

Program khidmat kepada masyarakat setempat dan agensi luar

Program Forum Perdana  
Program 1 Malaysia peringkat Negeri dan Daerah  
Aktiviti sukan dan kokurikulum peringkat negeri , kebangsaan dan antarabangsa anjuran kerajaan negeri Perak.  
Perak menjuarai kategori terbuka Pertandingan Robotik.

Pada dasarnya semua unit **di Sektor Khidmat Pengurusan dan Pembangunan**, telah berjaya mencapai SKT yang ditetapkan dengan memuaskan dengan berpandukan Pelan Tindakan yang digariskan.

#### **Unit Pembangunan**

UP telah mencapai SKT yang mempunyai 9 Pelan Tindakan yang merangkumi 2 Teras PIPP iaitu Membangunkan Modal Insan dan Memperkasa Sekolah Kebangsaan.  
sebanyak 416 projek telah dilaksanakan dengan jayanya dibawah Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama bernilai RM 32,273,748.39.

#### **Unit Khidmat Pengurusan**

UKP pada dasarnya telah mencapai 10 Pelan Tindakan yang meliputi Teras 6 PIPP yang berfokuskan kepada peningkatan dalam sistem penyampaian perkhidmatan dan pengurusan organisasi yang berkualiti.  
Penyusunan semula MBJ juga dilaksanakan

#### **Unit Perjawatan dan Perkhidmatan**

Unit ini mengelolakan 16 program atau pelan tindakan iaitu 8 program khusus kepada pengurusan pekhidmatan, 5 program khusus pengurusan perjawatan dan 3 program berkaitan urusan pencen.  
Unit telah mencapai SKT yang ditetapkan dengan jayanya.  
Operasi penurunan BRP dan juga pengurusan data perjawatan Jabatan merupakan satu kejayaan yang signifikan pada tahun 2009.

#### **Unit Perolehan dan Pengurusan Aset**

Berpandukan Teras 3 PIPP dengan memfokuskan kepada penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas yang mencukupi dan berkualiti.  
Unit ini menggariskan 2 strategi utama iaitu memastikan sekolah memberi penekanan kepada aspek keselamatan, kebersihan dan

kesihatan serta meningkatkan kualiti infrastruktur dan prasarana sekolah kebangsaan.

Unit ini mempunyai 8 program atau pelan tindakan dan telah mencapai 100 % sasaran dengan tender keselamatan bagi 1,154 buah institusi pendidikan di bawah JPN telah selesai dilaksanakan kesemuanya dan begitu juga dengan 559 buah institusi bagi tender kebersihan.

### **Unit Latihan dan Kemajuan Staf**

SKT telah dicapai dengan pelaksanaan 20 siri Kursus Induksi Kumpulan 1 dan 2 , 11 siri Kursus Dalam Perkhidmatan (AKS) dan (Guru), memproses Permohonan Skim Hadiah Latihan Biasiswa Persekutuan dan kursus-kursus anjuran IAB.

Unit ini juga telah berjaya mengadakan Program Executive Talk yang merupakan aktiviti julung kali diadakan di JPN.

### **Unit Kewangan**

Unit ini mempunyai 5 pelan tindakan dan berkait rapat dengan pemantapan pengurusan kewangan. Kesemua pelan tindakan ini telah mencapai SKT yang ditetapkan.

Sebanyak 99.44% baucer-baucer pada tahun 2009 telah selesai dibayar dalam tempoh 14 hari.

Prestasi perbelanjaan juga telah mencapai melebihi sasaran yang ditetapkan.

### **Sektor Teknologi Maklumat dan Komunikasi**

Membelanjakan 99.97% peruntukan selenggaraan untuk aktiviti selenggaraan membaikpulih (*corrective*) dan pencegahan berjadual (*preventive*) peralatan ICT di PPD dan sekolah supaya semua kemudahan ini sentiasa boleh beroperasi secara optimum.

Sistem Pengurusan Maklumat Asas Pendidikan (EMIS) secara online berjaya dilaksanakan di seluruh bermula Jun 2009. Maklumat asas ini sentiasa dikemaskini oleh Guru Data dan disemak oleh jabatan setiap hari.

Sejumlah 410 permohonan perolehan peralatan ICT bernilai RM1,203,564.18 berjaya disemak dan diproses.

Sejumlah 283 dari 284 atau 97.70% aduan kerosakan peralatan komputer berjaya diselesaikan.

### **Sektor Psikologi dan Kaunseling**

Sektor ini telah menerbitkan Buku 100 Ciri Modal Insan Idaman yang boleh dijadikan bahan rujukan dan telah diedarkan di JPN Perak dan seluruh negeri lain, ke PPD dan sekolah Negeri Perak.

Selain itu telah dapat menyediakan profail personality staf di JPN dengan seramai 83% staf JPN Perak telah disediakan fail personality TAJMA. Jumlah klien yang telah menerima khidmat kaunseling bagi warga JPN Negeri Perak iaitu secara individu seramai 828 orang dengan 938 sesi manakala bagi perkhidmatan kelompok bilangan klien ialah 870 dengan 87 kelompok dan 163 sesi. Seramai 882 orang guru dan 500 orang staf telah mengikuti kursus berkaitan kaunseling .

## **Sektor Pendidikan Swasta dan Pendidikan Khas.**

### **Bidang ko-kurikulum**

Pada Majlis Tilawah Al-Quran Pendidikan Khas Kebangsaan kontinjen negeri Perak telah mendapat Johan dalam 4 acara , Naib Johan dalam 4 acara dan tempat ketiga dalam 6 acara yang disertai. Pencapaian tertinggi Pendidikan Khas bagi tahun 2009 adalah penyertaan seorang pelajar pendidikan khas dari SK TLDM II, Lumut ke Sukan Paralimpik yang diadakan di Tokyo, Jepun pada September 2009. Pelajar tersebut telah mendapat 2 pingat perak dalam acara 100 meter dan lompat jauh. Hasil kejayaannya di Jepun, pelajar ini juga telah dipilih untuk menerima anugerah ko-kurikulum di peringkat kebangsaan.

## **Sektor Penilaian dan Peperiksaan**

### **Pencapaian UPSR 2009 Negeri Perak.**

UPSR 2009 telah dilaksanakan pada 8 hingga 10 September 2009.

Seramai 44 856 orang calon yang mana kesemuanya adalah dari sekolah kerajaan. Secara keseluruhan 27 709 atau 61.77% calon telah lulus UPSR meningkat sebanyak 1.07% berbanding tahun 2008.

Manakala seramai 3 937 atau 8.78% calon telah mendapat semua A dalam matapelajaran yang diambil. Menurun sebanyak 0.27% berbanding tahun 2008.

Pencapaian UPSR Negeri Perak agak sederhana dan masih di bawah peratus kebangsaan iaitu 63.1%.

Walau bagaimanapun pencapaian 2009 merupakan pencapaian kuantiti tertinggi sejak tahun 2005.

### **Penilaian Menengah Rendah (PMR) 2009 Negeri Perak.**

PMR telah dilaksanakan pada 7 – 9 dan 12 -13 Oktober 2009 dimana terdapat seramai 42 644 calon menduduki peperiksaan tersebut.

Secara keseluruhan seramai 26 177 orang atau 61.38% telah lulus meningkat 0.77% berbanding tahun 2008.

Manakala seramai 2 746 calon telah mendapat semua A dalam mata pelajaran yang diambil meningkat 0.33% kepada 6.44 berbanding tahun 2008.

Keseluruhan pencapaian keputusan PMR 2009 Negeri Perak masih diperingkat sederhana dimana kita masih dibawah peringkat nasional.

Pencapaian 2009 merupakan pencapaian kualiti yang tertinggi sejak 2005.

## **4. Perancangan SKT 2010**

### **Sektor Pengurusan Akademik**

Peningkatan pencapaian kuantiti terbaik sejak 2005 dalam peperiksaan UPSR sebanyak 61.77% yang meningkat sebanyak 1.07% berbanding tahun 2008 dan pencapaian kualiti terbaik sejak 2005 yang diambil meningkat 0.33% kepada 6.44 dalam PMR berbanding tahun 2008 menjadi pendorong kepada sektor ini untuk menggerakkan usaha lebih gigih pada tahun 2010.

Sasaran pencapaian dalam peperiksaan UPSR dan PMR bagi tahun 2010 adalah seperti berikut:

Peperiksaan	Kualiti	Kuantiti
UPSR	11.77	67.03
PMR	8.64	66.20

Untuk mencapai sasaran tersebut SPA menggunakan strategi seperti yang berikut:

#### Pelaksanaan

Memperkasa kepimpinan instruksional dan membina kepimpinan transformasional dalam kalangan pemimpin diJPN / PPD / Sekolah.

4.1.4.1.1. Pelaksanaan Program Peningkatan Profesionalisme Pengetua, Guru Besar, Penolong Kanan dan Ketua Bidang.

Membangun dan meningkatkan kualiti guru.

4.1.4.2.1. Pelaksanaan Program PASAK 100.

Membudayakan headcount di JPN / PPD / Sekolah.

4.1.4.3.1. Pembentangan TOV, AR dan ETR di peringkat sekolah, PPD dan JPN.

Melaksanakan pemantauan dan penyeliaan secara bersepadu di semua peringkat.

4.1.4.4.1. Pemantauan Pengurusan Akademik Sekolah dan Pemantauan PPD.

Memantapkan pelaksanaan program kecemerlangan akademik.

Program Kementerian Pelajaran – LINUS, PROTIM Tahun 4,5 dan 6.

Program Jabatan Pelajaran seperti JUSA, WAJA, REACT, ATS dan modul latih tubi sebelum peperiksaan.

Program Bidang seperti menetapkan target mata pelajaran dan menggerakkan Guru Cemerlang daerah membantu di daerah.

#### Sektor Pendidikan Islam

j-QAF

Pemantauan di 88 buah sekolah.

Pencapaian 100 % dalam amali wuduk, amali solat, khatam Al-Quran, Bahasa Arab dan jawi.

Penggunaan website SPI untuk pemakluman dan edaran bahan

Pengurusan Sekolah Menengah.

Pengurusan penempatan dan penyelesaian isu Guru Pendidikan Islam yang lebih efisien.

Menguruskan data Guru Pendidikan Islam yang lebih berkesan.

Peningkatan Prestasi Akademik

Program Gemilang PMR meliputi Program Gempor 1000 dan Program BAJA.

Program Gemilang SPM meliputi Program BAJA dan Program Halus

Pencapaian Koakademik Pendidikan Islam – Majlis Tadris Al-Quran Sekolah KPM ( MTQS ).

**Sektor Pengurusan Sekolah** akan terus memantapkan pencapaian sasaran kerja tahunan 2010 berdasarkan perancangan:

Perancangan keperluan guru melalui Anggaran Belanja Mengurus Perjawatan guru.

Agihan guru mengikut keperluan opsyen dan waran perjawatan. Namun begitu ianya bergantung kepada bekalan yang diperuntukan oleh KPM.

Melaksanakan penempatan dan pertukaran guru, penempatan dan pertukaran murid, mengelolakan latihan pengurusan kepada kumpulan pentadbir, memantau dan menyelia pengurusan sekolah harian serta melaksanakan perancangan yang berkaitan dengan NKRA.

Melaksanakan Program Khas yang dinamakan ' Program Pembangunan Pendidikan Pulau Pangkor'. Program ini akan dilaksanakan secara integrasi dengan sektor-sektor lain bagi meningkatkan pencapaian akademik sekolah-sekolah di Pulau Pangkor. Hal ini sejajar dengan NKRA yang menekankan aspek merapatkan jurang pendidikan di luar bandar.

**Sektor Jaminan Kualiti** akan mengambil pendekatan proaktif, mengoptimalkan pencapaian dan meminimumkan kos selaras dengan bajet 2010.

Dalam usaha meneruskan agenda, tahun 2010, pendekatan kajian tindakan terus menjadi keutamaan **Sektor Pembangunan Kemanusiaan** .

Pemantauan menjadi strategi yang difokuskan untuk semua unit bagi memastikan matlamat yang disasarkan akan dicapai dalam masa yang ditetapkan.

Sebagai penambahbaikan, pada tahun 2010, pemansuhan program yang tidak lagi relevan dengan kehendak semasa telah digantikan dengan program yang lebih bersifat global.

Penggunaan kemudahan ICT secara optimum untuk tujuan komunikasi, pengumpulan data dan penjanaaan, percambahan dan perkongsian idea dua hala akan menjadi fokus sektor ini bagi tahun 2010.

### **Sektor Teknologi Maklumat dan Komunikasi**

Melaksanakan Program Peningkatan Profesionalisme Juruteknik Komputer FT17 sekolah melalui latihan sambil bekerja secara penempatan pentadbiran bagi tempoh jangka pendek.

Meningkatkan kualiti perkhidmatan Guru Data melalui pemilihan perlantikan ikut norma, bimbingan dan pemantauan di sekolah.

Memperkaya kandungan laman web / portal dengan informasi atas talian (online) melalui kemudahan akses kemaskini oleh moderator-moderator sektor.

### **Sektor Psikologi dan Kaunseling**

Mengekalkan perkhidmatan dan program yang menjadi 'core business' Sektor Psikologi dan Kaunseling iaitu memberikan khidmat kaunseling serta konsultasi.

Melaksanakan kursus berkaitan kaunseling iaitu program pengembangan, pencegahan dan pemulihan (intervensi).

Penumpuan adalah kepada program pencegahan dan intervensi. Penyediaan profil personaliti staf akan diteruskan.

### **Sektor Pendidikan Swasta dan Pendidikan Khas.**

Mengadakan Kursus Pendedahan bagi guru-guru baru pendidikan khas.

Pemantauan berkumpulan dan lawatan khidmat bantu juga akan diteruskan bagi meningkatkan lagi untuk membantu guru-guru di sekolah.

Unit Pendidikan Khas akan meneruskan tanggungjawab dan amanah untuk melaksanakan kerja-kerja naiktaraf dan pembangunan bagi program-program Pemulihan Khas dan Pendidikan Khas.

## 5. Penambahbaikan

### 5.1 Sektor Pengurusan Akademik

5.1.1 Pemantauan berfokus

5.1.2 Berfokus kepada pemantapan pengurusan sekolah, guru dan pencapaian akademik.

### 5.2 Sektor Pendidikan Islam

5.2.1 Pemantauan bersepadu

5.2.2 Kem Khatam AlQuran dan Kem Literasi Al-Quran.

5.2.3 Program Gempur 1000 dimuat turun melalui blog SPI.

### 5.3 Sektor Pengurusan Sekolah

5.3.1 Melaksanakan penempatan guru secara seimbang dan mengikut opsyen.

5.3.2 *Redeployment* dilaksanakan khususnya bagi guru-guru Bahasa Inggeris yang berlebihan di Daerah Kinta akan ditempatkan di Daerah Hulu Perak, Kerian dan Hilir Perak.

### 5.4 Sektor Jaminan Kualiti

5.4.1 *Coaching and mentoring* kepada pengurus sekolah selaras dengan hala tuju SKT 2010 Jabatan Pelajaran Perak.

5.4.2 Sekolah-sekolah yang dikunjungi bagi tujuan penandaarasan dan pemugaran ialah sekolah kluster (12 buah) dan sekolah cemerlang (20 buah) manakala 15 buah sekolah akan dibantu untuk menjadi sekolah berprestasi tinggi.

5.4.3 Program kunjung bantu juga melibatkan 100 buah sekolah yang terkategori dalam sekolah pencapaian lulus UPSR dan PMR antara 40% hingga 50%, termasuklah sekolah-sekolah dalam Program Standard Quality JPNPK.

5.4.4 Mensasarkan 10 buah sekolah perdana (prime school) dan 6 buah sekolah rendah Orang Asli untuk dibantu. Mengikut perancangan setiap sekolah yang disenaraikan akan dikunjungi sekurang-kurangnya sebanyak 3 kali setahun.

5.4.5 Untuk pengurusan kualiti, penjenamaan semula sekolah ISO akan dibuat. Beberapa produk KMK yang telah berjaya akan diangkat untuk dimanfaatkan oleh semua warga pendidik Jabatan Pelajaran Perak.

### 5.5 Sektor Khidmat Pengurusan dan Pembangunan

5.5.1 Memastikan keberkesanan dalam Sistem Penyampaian Perkhidmatan. Sebagai contoh UNP akan menggunakan aplikasi secara online bagi urusan proses naik pangkat dan juga Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) atau E-PRESTASI.

5.5.2 Penambahbaikan bagi memastikan pengurusan Akaun Jabatan berjalan dengan lancar melalui pemantauan yang lebih kerap dan mantap.

5.5.3 Meningkatkan usaha dalam pengurusan pelupusan aset bagi memastikan sekolah-sekolah berada dalam suasana persekitaran yang kondusif. Disamping itu, UPPA juga akan menjalankan pemantauan secara bersepadu dengan mewujudkan *Task Force* bagi memastikan kontrak-kontrak kebersihan dan keselamatan di sekolah-sekolah menepati kehendak jabatan serta memberikan perkhidmatan yang berkualiti. Bagi urusan Kursus Induksi, aplikasi online bagi tujuan pengemaskinian data pegawai yang masih belum mengikuti kursus induksi akan dilaksanakan dengan menggunakan kemudahan yang dalam Laman Web JPN.

5.5.4 Penyampaian maklumat latihan dan permohonan mengikuti kursus juga akan dibuat secara online.

5.5.5 Urusan pencen anggota Jabatan yang sebelum ini dibuat sendiri oleh bakal pesara tersebut akan diuruskan oleh Unit Pencen.

5.5.6 UKP pula mencadangkan agar satu perjumpaan di antara Pihak Pengurusan JPN dengan komuniti atau Persatuan-persatuan yang mewakili kumpulan pekerja di JPN dalam satu forum khas yang dipanggil Majlis Permuafakatan.

- 5.5.7 UPK akan melaksanakan kaedah baru dalam PTK ekoran kesan dari pengurangan jumlah peruntukan yang diterima oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Selaras dengan pengurangan peruntukan yang diterima bagi melaksanakan PTK ini, kaedah Penilaian Pemahaman (subjektif) pada tahun 2010 akan dilaksanakan sebagai alternatif kepada kaedah Pusat Penilaian Kompetensi (PPK).
- 5.5.8 SKPP secara keseluruhannya akan memastikan penambahbaikan dari segi pengurusan dan pembangunan sumber manusia seperti *contact time* dengan staf dipertingkatkan, galakkan komunikasi dua hala antara pegawai dan staf dan penekanan kepada budaya perubahan / penambahbaikan berterusan dalam SKPP.

#### 5.6. Sektor Teknologi Maklumat dan Komunikasi

- 5.6.1. Menubuhkan pasukan 'task force' dan menggerakkan program pemantauan ke sekolah-sekolah yang telah menerima teguran audit berkaitan perolehan peralatan ICT tanpa kelulusan teknikal Jawatankuasa ICT (JKICT) peringkat negeri supaya kes dikurangkan sehingga 50%.
- 5.6.2. Melaksanakan kerja-kerja selenggaraan peralatan ICT menggunakan tenaga kerja dan kepakaran dalaman.
- 5.6.3. Memperluaskan penggunaan perisian sumber terbuka (*open source software*) seperti Open Office bagi menggantikan Microsoft Office untuk mengurangkan kos bayaran lesen perisian di jabatan dan PPD.

#### 5.7. Sektor Psikologi dan Kaunseling.

- 5.7.1. Program penambahbaikan yang akan dilaksanakan ialah memastikan staf sokongan di JPN Perak akan menerima khidmat program pengembangan iaitu berbentuk kelompok sekurang-kurangnya sekali atau 75% staf dapat mengikuti program ini.
- 5.7.2. Selain itu pemantauan secara mendapatkan maklumbalas daripada ketua jabatan berkaitan klien rujukan yang menerima khidmat kaunseling akan dipertingkatkan. Pendekatan perlaksanaan iaitu secara sasaran turun ke sekolah dan penyepaduan kursus serta petunjuk kepada penghasilan impak adalah antara penambahbaikan sektor ini bagi tahun 2010.

#### 5.8. Sektor Pendidikan Swasta dan Pendidikan Khas.

- 5.8.1. Selain mengekalkan dan menambahbaik SKT 2009 pada 2010, unit ini juga akan menguruskan Program Permata Pintar di peringkat negeri Perak.
- 5.8.2. Untuk makluman pada tahun 2009, seramai 52 orang murid dari negeri Perak telah terpilih untuk menyertai Program Perkhemahan Permata Pintar yang diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia pada November lalu.
- 5.8.3. Bagi mengatasi masalah 3M pula, Program Pemulihan Ekspres Tahap 1 yang dimulakan pada tahun 2007 akan diteruskan pada tahun ini.
- 5.8.4. Untuk makluman, bagi tahun 2009, seramai 75,164 iaitu 92 % daripada 81,893 orang murid tahap 1 untuk menguasai 3M.

- 6. 2010 datang dengan pelbagai kekangan. Semua pegawai di JPN dan PPD mesti menerima hakikat perubahan yang berlaku dan keperluan yang perlu dipenuhi. Kerja perlu dilaksanakan walaupun dalam ruang yang amat sempit dan menyesak.
- 7. Amalan kerja tahun ini mest berasaskan BEJANA ( Bekas Air ).
  - 7.1. B – **B**ijaksana dalam semua perkara – kewangan, pengurusan , pengelolaan program dan pelaksanaan aktiviti.
  - 7.2. E – **E**fektif dalam kerja yang dilaksanakan, program tepat dan bermanfaat, pengurusan padat dan berkesan.
  - 7.3. J – **J**elas dalam semua arahan dan memastikan arahan dipatuhi. Pastikan semua arahan dan komunikasi dapat difahami. Rekodkan semua arahan dan komunikasi supaya ada rujukan apabila berbangkit masalah. Langkah menguatkuasakan akta dan pekeliling perlu di laksanakan tanpa pilih kasih.

- 7.4. A – **Arah** tuju yang mesti disediakan ialah peningkatan ... sama ada peningkatan dalam prestasi akademik, presrasi kokurikulum, sahsiah dan sebagainya.
  - 7.5. N – **Niat** mesti jelas dan murni. Selagi menjadikan kerja sebagai sebagai kerja tidak dijadikan Ibadah... diri akan terkongkong dan nafsu menguasai.
  - 7.6. A - **Amanah** dalam kerja dan amalan budaya amanah, sepunya, dan sentiasa ingin meningkat mesti diangkat sebagai budaya kerja sekolah, PPD dan JPN.
- 
8. Sudah sampai masanya Jabatan Pelajaran Negeri Perak bergerak lebih agresif dalam menangani pelbagai masalah di sekolah. Masalah kemerosotan akademik bersangkutan dengan masalah disiplin dan ponteng, masalah kelemahan sekolah berkait dengan pengurusan sekolah, kelemahan murid berkait dengan disiplin guru... jadi semua mesti bersepadu dan bersama-sama. Setiap isu yang terhasil mesti diselesaikan melalui pandangan pelbagai sektor.
  9. Akhirnya saya berharap harapan saya akan menjadi harapan tuan-tuan. Saya berharap cita-cita saya menjadi cita-cita tuan-tuan. Gagasan saya menjadi gagasan. Jangan biarkan saya bersendirinya mengharungi 2010 dengan kepayahan. Jangan biarkan saya bersendirinya memasang impian. Kalau usaha kita melambung ke langit mari kita sama-sama jadikan bintang, jika bertaburan di udara kita sama-sama jadikan kerlipan, jika jatuh ke bumi sama-sama mencanai menjadi intan.
  10. Sekian terima kasih.